

Kejohanan Bola Sepak Liga KPT 2010

Oleh; Mohd Hafeez Nordin

Bola Sepak Liga KPT telah membuka tirainya dengan penyertaan daripada semua institusi pengajian tinggi terutamanya awam dan swasta serta institusi pengajian yang dibawah naungan Kementerian Pengajian Tinggi. UniMAP juga tidak terkecuali dengan menghantar penyertaan daripada Pasukan Bola Sepak Pelajar UniMAP di bawah pengurusan En. Mohd Anas Effiendi Abd Rahman dan dikendalikan jurulatih yang

berpengalaman iaitu En. Suhairi bin Abd Karim, telah memulakan saingan liga dengan begitu baik sekali.

Kejohanan ini adalah inisiatif dari pihak KPT yang mana mahukan semua institusi pengajian tinggi yang di bawah naungannya untuk giat bersukan dan bersama-sama bertanding di dalam sukan bola sepak. Dengan gabungan empat zon iaitu Zon Utara, Zon Tengah, Zon Timur dan Zon Selatan yang berkonsepkan tuan rumah dan tempat lawan,

Zon Utara telah diwakili oleh pasukan UUM, USM, UniMAP, UiTM Perlis, Polimas, Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah, Kolej Komuniti Bandar Darulaman (KKBD) dan Kolej Komuniti Kepala Batas (KKKB).

Kejohanan pertama UniMAP telah bermula pada 28 Februari 2010 yang mana perlawanan pembukaan yang mewakili kawasan Zon Utara telah bertemu dengan pasukan USM, manakala perlawanan kedua bertemu UUM, perlawanan ketiga bertemu KKBD, perlawanan keempat bertemu Polimas, perlawanan keenam bertemu KKBD, perlawanan ketujuh bertemu PTSB dan yang terakhir bertemu UiTM. Pasukan Bola Sepak UniMAP hanya mampu menduduki tangga ke 4 liga namun di ucapkan tahniah dan syabas atas semangat juang yang ditunjukkan oleh mereka. **“TINGKATKAN SEMANGAT JUANG ANDA, UniMAP BOLEH!”**



KEPUTUSAN PERLAWANAN

UniMAP vs USM	0 - 1
UUM vs UniMAP	1 - 0
UniMAP vs KKBD	1 - 2
Polimas vs UniMAP	1 - 2
UniMAP vs KKKB	0 - 4
PTSB vs UniMAP	2 - 4
UniMAP vs UiTM	2 - 2